

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jaminan dari aspek kecukupan pembekalan vaksin untuk COVID-19 yang dikatakan sedang berada dalam fasa penentuan harga tempatan, dan apakah usaha Kementerian dalam memastikan vaksin tersebut dapat dibekalkan secara saksama kepada rakyat luar bandar dan pedalaman yang tidak berkemampuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Izinkan saya menjawab bersekali soalan ini bersama soalan bertarikh hari ini di nombor 18 daripada Yang Berhormat Permatang Pauh, nombor 56 daripada Yang Berhormat Kapar, nombor 57 daripada Yang Berhormat Serian serta soalan bertarikh 10 November 2020 bernombor 8 daripada Yang Berhormat Terbrau dan nombor 58 dari Yang Berhormat Kimanis.
2. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia ketika ini tidak mempunyai fasiliti pembuatan vaksin bagi kegunaan manusia dan ini termasuklah juga bagi penyakit COVID-19.
3. Jaminan akses awal dan aspek kecukupan pembekalan vaksin adalah sangat penting bagi menjamin bekalan vaksin COVID-19 dapat disediakan kepada semua lapisan masyarakat di Malaysia. Vaksin

SOALAN NO : 6

COVID-19 yang telah dikenal pasti hendaklah selamat dan keberkesanannya terbukti.

5. Justeru, kerajaan menerusi kaedah diplomasi sains yang digerakkan bersama bermula April lalu antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Luar Negeri (KLN) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah melaksanakan pendekatan pelbagai hala (*multi-proged approach*) bagi membolehkan Malaysia memperolehi jaminan askes kepada bekalan vaksin COVID-19 yang sedang giat dibangunkan di seluruh dunia.

6. Berdasarkan senarai vaksin COVID-19 daripada WHO bertarikh 3 November 2020, terdapat 202 calon vaksin sedang dibangunkan dengan 10 daripadanya berada dalam ujian klinikal fasa 3. Menerusi pendekatan pelbagai hala daripada diplomasi sains Malaysia, beberapa rundingan telah dan sedang dimuktamadkan dengan pembangun vaksin di seluruh dunia termasuklah bersama kerajaan China apabila lawatan pada 13 Oktober yang lepas, Menteri Luar China, Wang Yi telah umumkan Malaysia berada dalam senarai keutamaan untuk menerima vaksin daripada China. Selain daripada itu rundingan Fasiliti Akses Global Vaksin COVID-19 (COVAX), dan juga syarikat farmaseutikal luar negara yang lain.

7. Kerajaan juga mengalui-alukan penglibatan entiti-entiti swasta dalam urusan perolehan vaksin dan mendirikan fasiliti pembuatan vaksin termasuk melalui pendekatan kerjasama awam-swasta (*Public Private Partnership*). Pendekatan kerjasama awam swasta ini telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Majlis Sains Negara pada bulan Julai yang lepas. Pemilihan syarikat farmaseutikal tempatan yang memenuhi syarat Amalan Perkilangan Baik (GMP) mengikut standard *Pharmaceutical Inspection Co-operation Scheme* (PIC/S) akan dilakukan secara telus mengikut keupayaan untuk membeli vaksin (*finished product*) atau mengilang pembotolan (*fill and finish*) produk.

8. Bagi tujuan penyelarasan dalam memastikan bekalan vaksin COVID-19 diperoleh dengan segera, selamat dan sempurna; Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan COVID-19 (JKJAV) telah

SOALAN NO : 6

ditubuhkan melalui persetujuan Jemaah Menteri pada 21 Oktober 2020 yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Kesihatan Malaysia (KKM) dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang bertindak sebagai Jawatankuasa Induk dalam merancang, melaksana dan memantau keseluruhan strategi untuk pembekalan vaksin COVID-19.

9. Sehubungan itu, bekalan vaksin awal dijangka diperoleh pada suku pertama 2021 dengan wajaran pertama untuk 3% populasi negara yang terdiri daripada para petugas barisan hadapan (*front-liners*) meliputi sektor kesihatan dan keselamatan seperti doktor, jururawat, polis, petugas penjara dan imigresen. Akses vaksin kepada masyarakat di luar bandar dan pendalaman yang tidak berkemampuan juga akan diperhalusi dan akan diangkat sebagai keutamaan sejajar dengan COVID-19 ini dilihat sebagai satu keperluan asas awam atau *public good*.

Sekian, terima kasih.